

Pelajar sekolah angkat Mapim diseru manfaat bengkel

02/11/2012 4B 84

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com

KOTA KINABALU: Pelajar sekolah angkat Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (Mapim) diseru untuk memanfaatkan peluang dalam bengkel yang

diadakan sebagai persediaan menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata bengkel yang dianjurkan oleh Mapim adalah penting kerana para pelajar akan didedahkan dengan teknik dan selok belok penulisan kreatif yang betul serta beretika.

"Selain memenuhi keperluan menduduki peperiksaan, pendedahan ini amat penting kerana para pelajar yang ingin bergiat dalam bidang penulisan khususnya menghasilkan karya kreatif.

"Saya yakin ada di antara para pelajar dalam bengkel ini yang sudah cuba untuk menghasilkan karya kreatif sendiri.

"Tidak mustahil mungkin satu hari nanti ada dalam kalangan anda yang akan menjadi pelapis dalam arena sastera tanah air," katanya ketika merasmikan pembukaan bengkel sekolah angkat Mapim di sini kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Ketua Unit Penerbitan UMS, Lt Kol (K) Prof Dr Syed Azizi Wafa.

Harun berkata, bengkel yang diadakan selama dua hari itu juga akan memberikan peluang kepada



SYED Azizi (kanan) menyerahkan sumbangan buku kepada wakil SM St Michael Penampang sambil diperhatikan oleh Khalid (tengah).

para pelajar membuat karangan Bahasa Melayu khusus bagi menghadapi peperiksaan SPM.

Menurutnya, dalam bengkel itu pelajar akan didedahkan dengan format yang betul untuk menulis karangan mengikut skop yang dikehendaki soalan.

"Umumnya, kebanyakan pelajar sukar menjawab dengan memenuhi kehendak soalan lantaran tidak memahami soalan peperiksaan, perkara ini adalah sesuatu yang merugikan pelajar.

"Sesungguhnya, hasil penulisan atau karangan yang berkualiti perlu mempunyai fakta yang disampaikan dengan jelas

menurut susunan idea yang teratur," jelasnya.

Harun berkata, karangan yang baik juga mampu meninggalkan impak positif kepada pembaca selain mengutarakan cadangan penambahbaikan terhadap sesuatu isu.

Terdapat tiga buah sekolah menengah di Sabah yang dijadikan sekolah angkat Mapim iaitu SM St Michael Penampang, SM Sungai Damit, Tuaran dan SMK Bundu Tuhan, Ranau.

Hadir sama ialah Pengurus Penulisan Sekolah Angkat Mapim, Khalid Mazlan, Penceramah Bengkel, Prof Madya Dr Lim Swee Tin serta tetamu kehormat yang lain.